



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEPENGARANGAN MUHAMMAD HAJI SALLEH BERASASKAN MODEL
PROSES KREATIF TEKSNALURI**

GHAZALI BIN DIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan dan pengaruh elemen naluri dalam kepengarangan Muhammad Haji Salleh. Kajian secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan ini menganalisis sebanyak 10 buah kumpulan puisi Muhammad Haji Salleh yang mengandungi 742 buah sajak dengan menggunakan Model Proses Kreatif Teksnaluri. Model ini dibangunkan sebagai sebuah kerangka konsep bagi memperjelaskan pengaruh elemen naluri dalam kepengarangan seseorang pengarang. Terdapat tujuh elemen naluri yang menjadi teras untuk memahami peranan naluri dalam kepengarangan pengarang iaitu Naluri Kerohanian, Naluri Kemanusiaan, Naluri Kemasyarakatan, Naluri Keindividualan, Naluri Keintelektualan, Naluri Kealaman dan Naluri Keindahan. Hasil analisis ke atas 742 sajak dalam 10 kumpulan puisi ini menemukan kehadiran elemen naluri yang secara dominan mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam proses kreatifnya. Elemen naluri yang paling dominan ditemui ialah Naluri Kealaman dan Naluri Keindividualan. Naluri Kealaman hadir dalam 286 buah sajak, Naluri Keindividualan (191), manakala Naluri Keindahan (175), Naluri Keintelektualan (171), Naluri Kemasyarakatan (156), Naluri Kemanusiaan (121), dan Naluri Kerohanian sebanyak 28 buah sajak. Hasil kajian ini juga menemukan pengaruh elemen Naluri Kealaman dan Keindividualan sangat kuat mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam penciptaan sajaknya. Tujuh

naluri yang ditemui dalam proses kepengarangan Muhammad Haji Salleh ini wujud secara bawah sedar. Kajian ini juga mendapat terdapat elemen-elemen lain yang turut mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam proses kreatifnya iaitu idea dan pemikiran. Dapatan kajian ini dapat membuktikan bahawa elemen naluri mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam penghasilan sesuatu teks di samping elemen lain iaitu idea dan pemikiran. Kajian ini mencadangkan Model Proses Kreatif Teksnaluri digunakan dalam kajian-kajian yang berkaitan proses kreatif dan kepengarangan ke atas penulis-penulis lain atau genre yang lain.





THE AUTHORSHIP OF MUHAMMAD HAJI SALLEH BASED ON THE MODEL OF TEKSNALURI CREATIVE PROCESS

ABSTRACT

This research aims to provide the evidence and influence of instinctive elements in Muhammad Haji Salleh's literary work. The research utilises the qualitative methodological approach by way of library and field research of which the main resources were 10 poetry anthologies that include 742 poems that were analysed using the model known as Instinctual-Text Creative Process. The model was developed as a conceptual framework that elucidates the influence of instinctive elements in an author's literary production. There are seven instinctive elements that form the core principles to understanding the role of instincts in an author's literary creativity, namely, Spiritual, Humanistic, Social, Individual, Intellectual, Natural and Aesthetics elements. Analysis of the 742 poems from the 10 poetry anthologies reveals the existence of instinctive elements that dominate the way Muhammad Haji Salleh composes his creative works. The most dominant instinctive elements are the Natural and Individual. The Natural element can be traced in 286 poems and the Individual element (191 poems), whereas the Aesthetic element (175), Intellectual element (171), Social element (156), Humanistic element (121) and the Spiritual element exists in 28 poems. The research finding also suggests a very strong influence of the elements of the Natural and Individual in the production of poems by Muhammad Haji Salleh. The seven instincts exist within the subconscious realm of the poet. Another finding of the research is the existence of the elements of Ideas and Contemplation that also influence the way the poet writes his poems. The research findings prove that instinctive elements provide unique influence in the production of literary texts besides the elements of Ideas and Contemplation. The research suggests the Teksnaluri Creative Process Model be used to analyse creative and literary process of other authors or genres.



KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	26
1.3 Pernyataan Masalah	28
1.4 Objektif Kajian	34
1.5 Soalan Kajian	34
1.6 Kepentingan Kajian	34
1.7 Batasan Kajian	35



1.7.1	Pemilihan Karya	36
1.7.2	Pemilihan Pengarang	37
1.8	Definisi, Konsep dan Istilah	40
1.8.1	Kepengarangan	40
1.8.2	Teksnaluri	44
1.9	Kesimpulan	64
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	66
2.1	Pengenalan	65
2.2	Pengarang dan kreativiti.	69
2.3	Kajian Tentang Kepengarangan dan Proses Kreatif Muhammad Haji Salleh	84
2.4	Pandangan Sarjana Tempatan dan luar negara Tentang Muhammad Haji Salleh	101
2.5	Kesimpulan	119
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	120
3.1	Pengenalan	120
3.2	Reka Bentuk Kajian	121
3.3	Sumber Data	122
3.4	Instrumen Kajian	123
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	124
3.6	Analisis Data	126
3.7	Model Proses Kreatif Teksnaluri	126





3.7.1	Teori Teksdealisme (Mana Sikana)	126
3.7.2	Teori Arketaip (Carl Gustav Jung)	131
3.7.3	KonsepModel Proses Kreatif Teksnaluri	140
3.8	Kesimpulan	148

BAB 4	KEPENGARANGAN DAN PROSES KREATIF	
	MUHAMMAD	149

4.1	Pengenalan	149
4.2	Proses Kreatif Muhammad Haji Salleh	151
4.2.1	Idea-idea Awal Penciptaan Karya	152
4.2.2	Merancang dan Menguruskan Idea	158
4.3	Naluri Yang Melatari Kepengarangan Muhammad Haji Salleh	170
4.3.1	Naluri Kerohanian	172
4.3.2	Naluri Kemanusiaan	196
4.3.3	Naluri Kemasyarakatan	235
4.3.4	Naluri Keindividualan	254
4.3.5	Naluri Keintelektualan	268
4.3.6	Naluri Kealaman	285
4.3.7	Naluri Keindahan	301
4.4	Kedudukan Naluri Dalam Kepengarangan Muhammad Haji Salleh	318
4.4.1	Kehadiran Naluri Dalam Kepengarangan Muhammad Haji Salleh	320
4.4.2	Keutamaan Naluri Dalam Kepengarangan Muhammad Haji Salleh	325





4.4.3	Naluri Yang Mengukuhkan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh	328
4.4.4	Imej Kepengarangan Berdasarkan Naluri	331
4.5	Kesimpulan	333
BAB 5	KESIMPULAN	340
5.1	Pengenalan	340
5.2	Dapatan Kajian	343
5.3	Cadangan	347
5.4	Rumusan	351
5.5	Kesimpulan	353
RUJUKAN		359
LAMPIRAN A - Latar Belakang Pengarang		
LAMPIRAN B - Soalan Temu Bual		
LAMPIRAN C - Buku-buku Muhammad Haji Salleh yang dikaji		
LAMPIRAN D - Di rumah Muhammad Haji Salleh		





SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka surat

2.1	Pemikiran Kreatif dan Pemikiran Kritis	78
3.1	Fungsi Jiwa (Jung)	137
4.1	Kumpulan Sajak dan Jumlah Sajak	150
4.2	Pecahan Jumlah Sajak Mengikut Naluri	171



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1.	Sedar, Prasedar dan Bawah Sedar Teori Psikodinamik	53
2.1	Piramid Pembangunan Bakat Piirto	74
2.2	Model Proses Kreatif MG Taylor	80
2.3	Peta Minda Penciptaan Karya Sastera	82
3.1.	Reka Bentuk Kajian	122
3.2.	Hubungan Teori Teksdealisme dan Teori Tipainduk Dengan Model Proses Kreatif Teksnaluri	144
3.3.	Konsep Teksnaluri	146
3.4.	Model Proses Kreatif Teksnaluri	147

**SENARAI SINGKATAN**

ASAS 50	Angkatan Sasterawan 50
ASN	Anugerah Sastera Negara
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
ITBM	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
hlm.	Halaman
MAPIM	Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
MASTERA	Majlis Sastera Asia Tenggara
MCKK	Maktab Melayu Kuala Kangsar
PDM	Pusat Dokumentasi Melayu
PENA	Persatuan Penulis Nasional
SEA	South East Asia
SWT	Subhanahuwataala
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Kesusasteraan berkembang dalam bentuk lisan dan tulisan yang memberi nilai ilmu kepada kehidupan. Malah sastera perlu dalam melengkapi nilai sesuatu masyarakat untuk masyarakat memajukan kehidupan. Genre sajak dan dunia kepenyairan memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan kesusasteraan tanah air. Kalangan penyair memberi impak yang besar dalam menyuarakan pelbagai persoalan melalui genre sajak.





Setiap pengarang atau penyair berdepan dengan situasi proses kreatif yang menjadi faktor yang membentuk aspek kepengarangannya. Sajak memiliki lapisan-lapisan makna yang tersirat di sebalik diksi yang dipaparkan secara kreatif. Pengarang menggunakan segala kekuatan kreativiti seperti dari sudut gaya bahasa supaya mesej yang ingin disampaikan memberi kesan kepada pembaca atau khalayak. Gaya bahasa yang dikaitkan dengan stilistik wujud dalam karya sastera. Menurut Gorys Keraf (2005: 112) dalam konteks retorika dikenali sebagai *style* atau dalam bahasa Latin disebut *stilus*. Gaya bahasa yang dianggap menarik memiliki tiga unsur iaitu kejujuran, sopan santun dan menarik yang menjadikan sesebuah karya mencapai tahap keindahan untuk dinikmati pembaca.

Setiap pengarang memiliki gaya bahasa yang tersendiri dan dapat membina identiti melalui gaya bahasa yang digunakan dalam penulisannya seperti arkais dan bersifat majas. Namun, sesetengah pengarang memiliki persamaan dalam pembawaan gaya bahasanya. Penguasaan gaya bahasa membuatkan karya yang dihasilkan bervariasi dan berada dalam sesuatu kelompok. Penguasaan dalam stilistik ini juga menyebabkan karya kesusasteraan memiliki tarikan sebagai santapan minda masyarakat sepanjang zaman. Pengarang menerusi karya kreatifnya berupaya mencorakkan pemikiran dan budaya kehidupan masyarakat. Namun, pengarang juga dianggap sesetengah pihak sebagai insan yang memiliki keistimewaan kerana keupayaannya menukarkan segala ilham dan idea kepada sebuah karya kreatif. Ia satu kelebihan dalam proses kreatif. Pengarang kreatif memberi impak terhadap perkembangan kesusasteraan tanpa mengira lokasi kehidupannya. Seorang pengarang kreatif juga bertanggungjawab mengembangkan disiplin kesusasteraan sehingga sumbangan besarnya mencapai tahap layak menerima penghargaan dan pengiktirafan.





Pengarang kreatif menggunakan kreativitinya berkarya hingga mencetuskan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kemelut semasa dalam pelbagai aspek kehidupan. Sebelum merdeka, pengarang kreatif membakar semangat masyarakat melalui penulisan sajak, cerpen dan novel. Mereka menulis dan berselindung di sebalik pelbagai nama samaran. Penggunaan nama samaran adalah strategi kreatif pengarang mengelak identiti sebenar diketahui umum. Bagaimanapun, dalam jangka waktu panjang dan hingga satu ketika, khalayak akhirnya mengetahui identiti pengarang yang sebenar. Terdapat pengarang yang menggunakan beberapa nama, namun kebanyakan mereka pada akhirnya kembali menggunakan nama sendiri seperti Usman Awang dan A. Samad Said. Walau bagaimanapun, kajian mendapati penyair Muhammad Haji Salleh hanya menggunakan namanya sendiri sejak peringkat awal berkarya.



Abdul Halim Ali (2011) berpendapat kesusasteraan adalah disiplin ilmu yang berkembang sejak zaman Yunani. Antara tokoh pemikir ketika itu seperti Plato dan Aristotle, namun lebih awal dari itu terdapat pemikir Yunani seperti Aeschylus, Sophocles dan Aristophanes. Aristotle dianggap pelopor teori sastera menerusi bukunya *Poetics*. Terbinanya teori-teori sastera memberi peluang kepada karya-karya sastera dilihat dan dianalisis selain menjadi ilmu yang sangat penting dalam kesusasteraan. Teori mendorong kepada wujudnya golongan kritikawan yang penting dalam memberi pandangan terhadap sesebuah karya. Hal ini memberi kesedaran kepada golongan pengarang untuk melakukan Greek melahirkan sasterawan seperti Aeschylus, Sophocles, Euripides, dan Aristophanes yang menguasai penulisan skrip drama.





Ilmu sastera dirumuskan meliputi tiga bidang iaitu sejarah sastera, teori sastera dan kritikan sastera. Abdul Halim Ali memetik pandangan Roman Jakobson dalam esei yang bertajuk 'Linguistic and Poetics' bahawa pengajian sastera berbeza dengan kritikan sastera. Dalam kritikan sastera, konsep pengarang adalah perkara penting dan dalam disiplin kesusasteraan Inggeris sejak penghujung abad ke-19. Dengan memahami pengarang dan kehidupannya menyebabkan kita memahami karya sastera yang diciptakan olehnya (*Roger Webster*, terjemahan Shamsudin Jaafar, DBP, 2004).

Kajian kepengarangan memberi peluang kepada pengkaji memahami hubungan latar belakang dan proses penciptaan kerana pengarang tidak boleh dipisahkan daripada karya. Hal ini penting diketahui dan dikaji disebabkan pengarang memberi sumbangan besar dalam mengubah cara berfikir masyarakat serta berperanan mengukuh dan membina keintelektualan pembaca. Sifat-sifat karya kreatif yang memiliki lapisan-lapisan makna menuntut khalayak berfikir dan mengkaji teks secara mendalam. Selain teks, aspek kepengarangan seseorang pengarang juga tidak boleh dikesampingkan kerana setiap pengarang memiliki keunikan, kerahsiaan, episod-episod kehidupan serta proses penciptaan karya kreatif yang wajar dikaji secara ilmiah. Begitu juga pegangan-pegangan atau prinsip dalam kepengarangan yang didorong oleh sebab-sebab tertentu serta pengalaman tertentu pula. A Samad Said (1998) berpendapat melalui sastera ditemui unsur moral, keindahan, hati nurani, keadilan, ketakwaan, kebijaksanaan, dan tazkirah yang disampaikan secara sederhana, tetapi amat berkesan di jiwa.





Disiplin sastera menyentuh aspek teori, memahami makna teks, stilistik, struktural, nilai dan unsur, kepengarangan, biografi, estetika, falsafah, sejarah dan aliran-aliran yang dianuti pengarang. Namun, aspek yang dianggap tidak kurang penting adalah persoalan kepengarangan dan proses kreatif yang kurang diperkatakan sebelum ini secara ilmiah. Setiap pengarang yang menghasilkan karya kreatif sama ada sajak, cerpen, novel ataupun drama memiliki pengalaman kepengarangan dan proses kreatif yang berbeza-beza.

Penyair Usman Awang, penyair yang membawa aliran romantisme umpamanya dianggap penyair yang berjaya menghasilkan sajak yang menyentuh perasaan pembaca dan bersifat komunikatif, puitis, falsafah dan sarat mesej seperti dalam puisi 'Kekasih' dan 'Ke Makam Bonda'. Kepengarangan sering kali dikaitkan dengan hal-hal yang berkaitan latar belakang kehidupan, perjalanan kreatif serta pencapaian pengarang pada tahap keunggulan apabila memperoleh penghargaan atau pengiktirafan. Kajian ini akan membahaskan aspek kepengarangan dan proses kreatif Muhammad Haji Salleh iaitu seorang penyair dari latar belakang intelektual. Seseorang pengarang kreatif mengalami pelbagai pengalaman secara intrinsik dan ekstrinsik sehingga terbentuk sebuah karya kesusasteraan. Perkembangan sejarah kesusasteraan mendapati pengarang memiliki keistimewaan tersendiri sama ada secara individu atau di dalam kelompoknya. Hal ini berlaku dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Malaysia apabila lahirnya kelompok sasterawan Angkatan Sasterawan '50 atau ASAS 50 yang berpegang kepada prinsip kepengarangan "Seni Untuk Masyarakat" dan "Seni Untuk Seni".





Dalam konteks sastra Islam, Syed Nurul Akla Syed Abdullah (2011:11) memetik pandangan Sayid Qutb dalam kitabnya *al-Naqd al-Adabi Usuluhu wa Manahijuhu* yang menyatakan bahawa sastra adalah ungkapan mengenai pengalaman perasaan dalam bentuk yang mengilhamkan.

Pengalaman dimaksudkan sebagai reaksi pengarang terhadap sesuatu yang mengesankan dan kemudiannya menggerakkan hati untuk berusaha mengungkapkannya dalam ungkapan yang indah yang memberi kesan kepada hati-hati manusia lain seperti yang dirasakannya. Ia bukan sahaja berkait rapat dengan karya atau teks yang dihasilkan, malahan kewujudan karya juga mencerminkan sumbangan pengarang. Setiap pengarang berhak untuk memilih aliran-aliran tertentu dalam penulisan seperti klasik, surealisme, realisme, romantisme, sosialisme, formalisme, naturalisme, humanisme, absurd atau eksistensialisme.



Mana Sikana (2009:3) menyatakan golongan aliran Formalisme mentafsirkan sesebuah karya sastra tidak hanya isinya atau bentuknya, namun berhubungan dengan kepentingan psikologi dan kejiwaan serta hal berkaitan sesebuah karya kreatif dihasilkan. Ini bermakna, sesebuah karya itu wujud dan tercipta kerana wujudnya pengarang yang mengalami proses penciptaan karya itu. Sebelum wujudnya sesebuah karya, pengarang mengalami satu situasi iaitu proses kreatif yang akan dilalui oleh setiap pengarang. Hal kepengarangan seseorang pengarang bukan sahaja ditandai oleh segala pencapaian yang menyelubungi hidupnya dari peringkat awal sehingga mencapai tahap menerima penghargaan, namun kreativiti menjelmakan idea-idea yang hadir secara bawah sedar yang bersifat fitrah adalah menarik untuk dibahaskan secara ilmiah.





Dalam proses pembinaan karya, pengarang mendapat idea daripada pelbagai sumber seperti fenomena sosial, persekitaran, serta sesuatu zaman yang diperolehi melalui proses berfikir atau tercetus secara bawah sedar. Oleh hal yang demikian, kajian ini bukan hanya menganalisis karya atau teks, malahan pengkaji membuat kajian tentang kepengarangan dan proses kreatif penciptaan karya. Ini kerana dua situasi itu saling berkait. Setiap pengarang atau pencipta sesebuah karya mengalami proses kreatif yang berbeza-beza. Aspek kepengarangan pula lebih kepada menyentuh persoalan sumbangan dan pencapaian seseorang pengarang sebagai salah satu sisi yang penting untuk dikaji. Pengarang berperanan besar mencorakkan wajah bangsa dan pemikiran masyarakat dalam zaman atau era tertentu dan mewujudkan aliran-aliran dalam kesusasteraan.



manusia yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia menerusi karya yang dihasilkan. Namun, selain kebergantungan kepada fikiran, idea-idea penciptaan dirangsang oleh naluri, perasaan, hati serta pengalaman-pengalaman lampau seseorang. Perasaan merujuk kepada pengalaman kesakitan atau keseronokan kerana ia berlaku dalam emosi dan fenomena yang berhubung kait. Bagaimanapun kajian ini tidak bertujuan mengkaji secara langsung tentang perasaan atau emosi-emosi yang wujud sebagai kesan rasa dalam karya sastera. Sifat manusia memiliki beberapa perasaan seperti marah, seronok, benci, bahagia, dendam dan sedih. Perasaan kesakitan atau keseronokan, dan beberapa sifat lain adalah asas kepada pemikiran kita (Antonio Damasio, 2003, ms. 1).





Oleh hal yang demikian, pengarang tidak sahaja mengerah akal dan fikirannya sewaktu mencari idea mencipta karya kreatif, namun hakikatnya dipengaruhi perasaan sebagai pencetus awal yang memberi impak kepada karyanya. Karya kesusasteraan lahir daripada pengalaman dan perasaan yang secara langsung mengukuhkan idea-idea dalam kepengarangan. Dalam hal ini Muhammad Haji Salleh (2005, ms.13) berpendapat sajak berbentuk kental, berentak, mempunyai muzik bahasa, padat, teliti serta diolah daripada kehidupan seharian untuk khalayak pembaca.

Pengarang ingin meneroka dan mempersembahkan hasil ciptaannya dengan mengambil sudut pandangan di luar kebiasaan, dan membijaksanakan pembaca. Malahsajak menawarkan fikiran, perasaan, dan pandangan dalam bentuk yang padat, merdu, indah dan imaginatif. Pengarang dianggap pemikir untuk bangsanya dengan menerapkan episod-episod kehidupan ke dalam karya.

Dalam hal tertentu, pengarang tetap bergantung kepada ilmuwan dan ahli falsafah bagi mengukuhkan pengalaman kreatifnya selain pengalaman estetik. Jelasnya, pengarang berusaha mengangkat realisme kehidupan untuk sama-sama dinikmati bersama khalayak. Manakala Mana Sikana (2013, ms.140) berpendapat bahawa melihat sastera tidak sahaja harus dilihat daripada aspek nilai dalaman atau tekstual sahaja tetapi kontekstual atau nilai luaran. Pengarang adalah sebahagian daripada masyarakat dan masyarakat membuatkan sastera terus hidup setiap zaman. Ini bertepatan dengan pandangan ahli sosiologi yang berpegang kepada Teori Sastera Global yang menganggap sastera sebagai dokumentasi sosial dan protes sosial yang meletakkan pengarang sebagai wakil masyarakatnya.





Muhammad Haji Salleh mengumpul segala pengalaman sepanjang hidupnya sama ada di dalam atau di luar negara untuk membentuk dunia kesusasteraannya. Sajak tumbuh dari pohon pengalaman peribadi penyair atau hutan pengalaman orang lain yang berkibar dalam kata lisan atau aksara (Muhammad Haji Salleh, *Aksara Usia*, 2005, ms.xiii). Justeru, pengalaman di luar tanah air sendiri memungkinkannya menghasilkan sajak secara lebih konkrit dan meyakinkan. Kajian ini akan menganalisis kepengarangan penyair terkenal dan Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh. Dalam genre sastera, penyair Muhammad Haji Salleh memberi fokus kepada hanya satu genre sahaja iaitu penulisan sajak. Muhammad Haji Salleh dikenali sebagai seorang penyair dan seniman, dan juga ilmuwan dalam bidang kesusasteraan Melayu. Seorang pengarang kreatif menggunakan segala pancaindera yang ada pada dirinya untuk mencipta sesuatu karya seni.



Wahyudi Siswanto (2008, ms. 1) memetik pandangan Raman Selden (1985, ms. 2) bahawa karya sastera adalah anak kehidupan kreatif seorang penulis dan pengungkapan peribadi pengarang. Ini bermakna, setiap pengarang mempunyai pengalaman peribadi yang tersendiri dan dicorakkan secara langsung atau tidak langsung. Kelakuan seorang pengarang dipengaruhi oleh akal dan jiwanya hingga mencetuskan keperibadian yang tersendiri. Koettjaraningrat (1986, ms. 101-111) menyatakan unsur-unsur keperibadian adalah pengetahuan, perasaan, dan dorongan naluri. Pernyataan ini disokong Sumadi Suryabrata (1987, ms. 13-70) mengemukakan pandangan bahawa aktiviti manusia mencakupi perhatian, pengamatan, tanggapan, fantasi, ingatan, fikiran, perasaan, dan motif-motif.





Hal yang seumpama ini seringkali dilalui sendiri oleh seseorang pengarang dalam kehidupannya. Pengarang menggunakan segala kekuatan daya fikir, imaginasi serta perasaan dari hatinya yang bersifat fitrah. Seorang pengarang kreatif juga memiliki keberanian untuk menyatakan kebenaran apabila berhadapan dengan permasalahan sosial. Kreativiti yang dimiliki penyair dimanfaatkan untuk menjadikan dirinya pengkritik sosial untuk mencipta karya yang dapat menzahirkan secara halus dan lembut di sebalik keindahan kata-kata. Kreativiti memungkinkan pengarang melakukan ekprimen yang terbentuk dalam sajak-sajak yang tersisi dalam kategori *avant-garde*. Berada dalam kelompok ini, penyair keluar daripada ikatan konvensional sebagai peneroka aspek-aspek tertentu dalam penulisan yang dianggap baharu, berbeza serta penyimpangan.



perasaan, sensitiviti dan pemikiran pengarang menjadikannya sebagai idea-idea dalam kepengarangan. Karya sastra mempunyai hubung kait dengan aktiviti pengarang kreatif yang berfalsafah menerusi karya-karyanya serta ekspresi perasaan yang memiliki unsur intelektual. Karya kesusasteraan memberi ruang kepada khalayak untuk menyaksikan kebijaksanaan pengarang memilih idea-idea paling penting untuk ditampilkan kepada khalayak. Tidak mudah mempengaruhi pemikiran khalayak atau mengubah persepsi dan prinsip khalayak. Kejayaan pengarang mengubahnya melalui karya kreatif memberi tanda bahawa dunia kepengarangan yang dibentuknya dengan sifat ekspresif kerana memiliki daya ketajaman sensitivitinya.





Kesusasteraan adalah sebahagian daripada ilmu kemanusiaan dan sains sosial. Pengklasifikasian ini dicetuskan oleh Wilhelm Dilthey (1833-1911) dan Wilhelm Windelband (1848-1915) pada abad ke-19 yang mencetuskan teori dikotomi antara disiplin sains dengan disiplin kemanusiaan dan sastera (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2005, ms. 24-25). Kesusasteraan dikaitkan dengan semua bidang kehidupan terutamanya dalam proses pengarang menghasilkan karya dalam semua genre sama ada sajak, cerpen, novel atau drama. Sohaimi Abdul Aziz (2014, ms.xiii) mentafsirkan kesusasteraan sebagai satu bentuk seni yang menggunakan bahasa secara tersusun dan indah karangannya untuk tujuan yang baik dan berfaedah. Kesusasteraan juga tidak dapat dipisahkan daripada manusia dan masyarakat, malah berkembang mengikut perubahan zaman dan keadaan (Sohaimi Abdul Aziz, 2011, ms. 614).



budaya, resam kehidupan serta amalan-amalan seharian yang berbeza. Kehidupan mereka penuh dengan pelbagai kisah dan episod yang suka, duka, bahagia, derita, benci, dendam, keharuan, kemarahan hingga mencetuskan pelbagai tindakan kesan daripada perasaan-perasaan itu. Kesusasteraan membina hubungannya dengan manusia dan ia berkembang bersama kehidupan manusia sudah berabad lamanya. Ia mencerminkan kehidupan masyarakat pada zamannya dan kebenaran tentang kehidupan manusia sama ada dalam bentuk fizikal mahupun spiritual. Karya sastera diangkat daripada realiti kehidupan, tetapi digarap secara berseni, kreatif dan imaginatif. Kewujudan pengarang dan karya membuktikan bahawa dunia kesusasteraan terus berkembang dan tidak terhenti dan berakhir dalam sesuatu zaman.





Dalam mengembangkan kesusasteraan, tindakan Muhammad Haji Salleh melakukan perjalanan dan pengembaraan secara fizikal menjelajah dari benua ke benua memberi ruang yang besar dan realistik untuk menghasilkan sajak-sajaknya. Kalangan pengkaji dan sarjana pula melihat Muhammad Haji Salleh menampilkan pemikirannya dalam status intelektual dunia kesusasteraan melalui karya kreatif khasnya sajak.

Dalam bab ini, aspek-aspek kepentingan dan permasalahan kajian dibincangkan untuk melihat sejauh mana penyair Muhammad Haji Salleh memiliki kehebatan dalam dunia kepengarangan sebagai seorang pengarang penting di Malaysia. Sehingga kini, pengkaji mendapati tiada kajian berkaitan proses kreatif dan kepengarangan dibuat terhadap Muhammad Haji Salleh- seorang penyair yang mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara.

Hal ini kerana, kajian sebelum ini memberi tumpuan kepada analisis terhadap karya-karyanya dan menyentuh pemikiran-pemikiran yang dicetuskannya. Namun, bagi memperluaskan kajian terhadap Muhammad Haji Salleh, penelitian dan perbahasan juga perlu dilakukan dengan meneliti kepengarangan dan proses kreatif Muhammad Haji Salleh berbanding sebelum ini tertumpu analisis teks dan pemikirannya sahaja. Mana Sikana (dlm. kertas kerja Festival Puisi dan Lagu Rakyat Pangkor 2011 di Puteri Bayu Resort, Pulau Pangkor anjuran Kerajaan Negeri Perak, 17 hingga 18 Disember 2011) menganggap pengarang sebagai manusia manipulatif dengan semua yang ada di dunia menjadi bahan penulisannya. Hal ini membuktikan idea pengarang melangkaui pelbagai persoalan dan kisah-kisah dari realiti kehidupan.





Pengarang mengeksploitasi segala apa yang dilihat, dirasakan dan dialami (pengalaman diri) dengan menggunakan segala pancainderanya dalam proses penciptaan karyanya. Pengarang memiliki keinginan dan dorongan dalaman diri untuk menyatakan sesuatu dan berkongsi dengan pembaca (khalayak). Oleh hal demikian, mesej yang disampaikan pengarang mempunyai hubungan yang bukan sahaja dipengaruhi pemikiran bawah sedar atau separa sedar, tetapi juga dipengaruhi emosi (perasaan) pengarang. Dalam proses kreatif, karya terhasil daripada naluri pengarang hingga mencetuskan emosi dalam karya. Karya yang dihasilkan pengarang bersifat boleh mempengaruhi perasaan (emosi) pembaca. Karya sastera adalah teks kreatif yang mengandungi budi, imaginasi, serta emosi. Pierre Macherey memetik pandangan Edgar Allan Poe menyatakan bahawa:

“... In poetry as in fiction, I the sonnet as in the novel, every element should contribute to the conclusion. A good writer has already foreseen the last line when he writes the first. Thanks to this admirable method, the compositor can begin at the end, working as he choose on any section. Those who believe in the frenzy of inspiration may be offended by such cynical maxims; buy the can be interpreted just as you choose. It will always be useful to convince amateurs of the advantage art may derive from deliberation, to show the wordy what labour is involved in the luxury commodity of poetry...”

(Pierre Macherey, 1978, ms. 24)

A. Teeuw (1995, ms. 315-316) mengaitkan ilmu sastera dengan seni berbahasa selain cabang ilmu seni atau estetik. Wahyudi Susanto (2008, ms. 12-13) menyatakan Jung menciptakan tipologi psikologi yang membahagiakan keperibadian manusia (termasuk pengarang) dalam empat tipa iaitu fikiran, perasaan, intuisi sensasi yang berada di bawah dua golongan iaitu *introvert* dan *extrovert*. Pengarang dikategorikannya dalam kalangan *introvert -intuitif (introvert)*. Pengarang kreatif menggunakan intuisi dalam penciptaan karya melalui alam bawah sedarnya.





Hal ini disokong oleh Sumadi Suryabrata (1987, ms. 13-70) yang mengemukakan pandangan bahawa aktiviti manusia mencakupi perhatian, pengamatan, tanggapan, fantasi, ingatan, fikiran, perasaan, dan motif-motif yang juga melibatkan golongan pengarang kreatif. Seni apabila dikaitkan dengan karya sastra, di dalamnya mengandung persoalan-persoalan sosial-ekonomi, budaya, ketamadunan bangsa, malah berkemampuan mengubah pemikiran dan amalan seharian masyarakat. Dalam situasi sastra sebagai alat yang boleh mengubah struktur dan pemikiran masyarakat, hakikat ini sudah wujud pada era kebangkitan nasionalisme zaman kolonial, pascakolonial dan pasca moden. Ia lebih terkesan pada karya-karya beraliran realisme berbanding surealisme.

Surealisme tidak mementingkan kefahaman mesej dalam karya supaya memberi kesan kepada pembaca. Ia bersifat personal dan terlalu peribadi hingga sukar ditanggapi makna untuk difahami. Dalam kajian ini, kepengarangan penyair Muhammad Haji Salleh dilihat dari sudut yang berbeza berbanding pandangan sarjana sebelum ini iaitu dari aspek proses kreatif. Kebanyakan kajian tentang Muhammad Haji Salleh memberi fokus tentang Muhammad Haji Salleh sebagai penyair yang mementingkan pemikiran dan keintelektualan dalam penghasilan sajaknya serta kajian terhadap karya-karyanya. Oleh hal demikian, kajian ini adalah berbeza berbanding kajian sebelum ini iaitu melihat aspek kepengarangan Muhammad Haji Salleh serta proses kreatif. Muhammad Haji Salleh adalah seorang sasterawan dan seniman yang mencipta nama di dalam dan luar negara.

